

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN AM
LESEN PERNIAGAAN MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Menjelaskan bayaran Lesen Perniagaan.
2. Menjelaskan bayaran Lesen Iklan.
3. Menjelaskan bayaran Wang Amanah/Deposit Lesen Perniagaan.
4. Lesen Perniagaan mesti dipamerkan ditempat yang mudah dilihat dan ditunjukkan kepada mana-mana kakitangan MDM yang diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
5. Pelekat Lesen Perniagaan & Iklan mesti ditampal di luar premis perniagaan.
6. Lesen Perniagaan yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada pihak MDM. Pertukaran pemegang lesen atau nama syarikat yang baru perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tukar nama kepada pihak MDM.
7. Pemegang lesen diarah untuk meletakkan **TANDA HARGA** ke atas setiap barang perniagaan yang dipamerkan untuk jualan kepada orang ramai.
8. Premis perniagaan tidak boleh digunakan sebagai penginapan persendirian.
9. Pemegang lesen tidak dibenarkan menukar atau menambah aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kebenaran pihak MDM. Sebarang pertukaran atau penambahan aktiviti perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tambah atau tukar aktiviti kepada pihak MDM.
10. Aktiviti-aktiviti perniagaan berikut adalah tidak dibenarkan sama sekali:
 - i. Menjual barangan berkaitan rokok elektronik atau *vape* atau e-Rokok.
 - ii. Menjual barangan berkaitan shisha.
 - iii. Menjual barangan cetak rompak.
 - iv. Pusat Kafe Siber.
 - v. Mana-mana aktiviti yang telah ditetapkan sebagaimana dasar Majlis Daerah Mersing.
11. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

STRUKTUR FIZIKAL & KESELAMATAN

1. Memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Perakuan Pematuhan (CCC) dan disahkan selamat untuk aktiviti perniagaan.
2. Premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan Bahagian Kawalan Bangunan MDM berkaitan aktiviti perniagaan yang dijalankan dan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan.
3. Memastikan semua kehendak keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dipatuhi sepenuhnya.
4. Menyediakan kotak pertolongan cemas yang sentiasa dilengkapi dengan ubat-ubatan dan tidak tamat tempoh.

KEBERSIHAN, KESIHATAN & PERSEKITARAN

1. Dilarang menyimpan haiwan terbiar atau haiwan peliharaan di dalam premis perniagaan.
2. Menyediakan kemudahan tandas yang berkeadaan baik dan bersesuaian mengikut keperluan serta kebersihannya perlu sentiasa dijaga.
3. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan bertutup.
4. Menjaga dan memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna.
5. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan perlu diuruskan dengan baik dan dibuang ditempat yang dibenarkan sahaja.
6. Mengamalkan amalan pengasingan sampah (3R).
7. Mendaftar **Kempen Tiada Beg Plastik Percuma** dengan MDM.
8. Mengikuti segala kehendak dalam Garis Panduan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma.
9. Kebersihan premis dan kawasan sekeliling hendaklah sentiasa dijaga dan tidak memberi kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
10. Dilarang meletakkan barang-barang atau benda-benda lain untuk jualan di laluan awam kecuali mendapat kelulusan dari pihak Majlis.
11. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan. Halangan atau rintangan di pintu masuk/pintu keluar tidak dibenarkan.

PERHATIAN

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.